

SUMBANGAN KIAI HAJI AS'AD HUMAM DALAM PENYUSUNAN KITAB IQRA'

Anas Hilmi Hamid¹, Norsaleha Mohd Salleh¹

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor.

Corresponding Author: Anas Hilmi Hamid. Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Email: 19bi05001@student.kuis.edu.my.

Abstrak

Kiai Haji As'ad Humam telah mewujudkan satu kaedah buat umat Islam untuk menguasai bacaan al-Quran dalam tempoh yang singkat dan cepat iaitu kaedah Iqra'. Kaedah Iqra' adalah satu kaedah pengajaran asas membaca al-Quran yang telah diadaptasi melalui kaedah-kaedah lama seperti Baghdadi dan Qiraati supaya dapat tercapai tujuan belajar membaca al-Quran dalam waktu yang singkat dan cepat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan Kiai Haji As'ad Humam terhadap penyusunan kitab Iqra'. Pengkaji menggunakan metode kualitatif dengan membuat pengumpulan dokumen. Dokumen tersebut terdiri daripada kitab Iqra', majalah, jurnal dan tulisan-tulisan pengkaji terdahulu. Hasil dapatan kajian menunjukkan penyusunan kitab Iqra' yang digagaskan oleh Kiai Haji As'ad Humam ini secara umumnya telah memberi impak yang positif terhadap penguasaan bacaan al-Quran kerana disusun secara berperingkat bermula dari tahap rendah sehingga tahap yang tinggi. Kajian juga mendapati sumbangan beliau dalam penyusunan kitab Iqra' telah berjaya membantu masyarakat dalam menangani masalah buta huruf al-Quran. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pelajar dan guru-guru dalam misi membanteras buta huruf al-Quran sekaligus menarik minat masyarakat awam dalam mempelajari dan menguasai bacaan al-Quran.

Kata kunci: Sumbangan, As'ad Humam, penyusunan, Iqra', buta huruf

(KIAI HAJI AS'AD HUMAM'S CONTRIBUTION IN THE COMPILATION OF THE BOOK OF IQRA')

Abstract

Kiai Haji As'ad Humam has created a method for Muslims to master the recitation of the Quran in a short and fast period which is the Iqra' method. The Iqra' method is a basic teaching method of reading the Qur'an that has been adapted through old methods such as Baghdadi and Qiraati so that the goal of learning to read the Qur'an can be achieved in a short and fast time. Thus, this study aims to analyze the contribution of Kiai Haji As'ad Humam to the compilation of the Iqra' book. The researcher uses a qualitative method by collecting documents. The document consists of Iqra' books, magazines, journals and the writings of previous researchers. The results of the study show that the compilation of the Iqra' book, which was initiated by Kiai Haji As'ad Humam, has generally had a positive impact on the mastery of reciting the Qur'an because it is arranged in stages starting from a low level to a high level. The study also found that his contribution in compiling the book Iqra' has successfully helped the community in dealing with the illiteracy of the Quran. This study is expected to be beneficial to students and teachers in the mission of combating illiteracy of the Qur'an as well as attracting the interest of the public in learning and mastering the recitation of the Qur'an.

Keywords: Contribution, As'ad Humam, Compilation, Iqra', illiterate

Received: May 25, 2024

Accepted: June 29, 2024

Online Published: June 30, 2024

1.0 Pengenalan

Menurut Mohd Aderi (2008) membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam, malah membacanya juga adalah ibadah dengan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Manakala membaca al-Quran dengan tepat dan betul dari aspek tajwid dan makhrajnya adalah fardhu supaya pembaca tidak tersalah pengertiannya di samping dapat membentuk akidah dan akhlak individu (Abdul Halim, 1991).

Apabila seseorang itu berkebolehan membaca al-Quran, mereka digalakkan membaca al-Quran dan dapat mengamalkan dengan membacanya sekurang-kurangnya di antara empat hingga lima juzuk sehari, malah yang paling baik adalah dapat dikhatamkan dalam masa tiga hari. Terdapat hadis-hadis yang menyebutkan tentang batas minima mengkhataamkan Al-Qur'an seperti tidak kurang dari 7 hari, 5 hari dan 3 hari. Daripada Abdullah bin Amru r.a, Rasulullah SAW bersabda:

إِقْرَأِ الْقُرْآنَ فِي شَهْرٍ قُلْتَ إِنِّي أَجِدُ قُوَّةَ حَتَّى قَالَ فَاقْرَأْهُ فِي سَبْعٍ وَلَا تَرُدُّ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya “Bacalah (khatamkanlah) Al-Qur'an dalam sebulan sekali. Aku menyatakan, Sesungguhnya aku mampu untuk lebih dari itu Rasulullah bersabda, "Maka, khatamkanlah dalam tujuh hari, jangan kurang dari itu.”

Shahih Al-Bukhari, no. 5054

Justeru itu, sebagai seorang yang telah mengenal dan boleh membaca al-Quran, penting untuk memperbanyakkan membaca al-Quran, memahami maksudnya seterusnya mengamalkan ajarannya (Abdussabur Syahin, 2008). Sesungguhnya terdapat banyak kelebihan apabila membaca al-Quran di antaranya sepertimana di dalam hadis Baginda Rasulullah SAW. Diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahili r.a katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

اَقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya “Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat (pertolongan) kepada tuan (yang membacanya).”

Riwayat Muslim, no. 804

2.0 Metodologi Kajian

Makalah ini dijalankan melalui kajian kepustakaan untuk mendapat data dan bukti atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Metode digunakan bagi memperoleh maklumat daripada media cetak seperti kitab, majalah, jurnal dan surat khabar. Dalam menjalankan kajian perpustakaan, pengkaji akan meneliti dan mencari kitab-kitab serta tulisan-tulisan para penyelidik yang terdahulu. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian.

Oleh yang demikian kajian ini ingin mengkaji tentang latar belakang kehidupan Kiai Haji As'ad Humam. Selain itu skop kajian ini juga termasuk kaedah penyusunan kitab Iqra' yang diasaskan oleh Kiai Haji As'ad Humam. Selain dari kitab ini tidak termasuk dalam skop kajian pengkaji. Disamping itu, kajian ini turut mengfokuskan kepada sumbangan Kiai Haji As'ad Humam terhadap pendidikan al-Quran pada hari ini.

3.0 Dapatan Kajian

Dapatan dianalisa secara deskriptif berdasarkan empat aspek berikut.

3.1 Latar Belakang Kiai Haji As'ad Humam

As'ad Humam lahir di Kampung Selokraman, Kotagede, Yogyakarta pada tahun 1933 merupakan anak kedua dari 7 orang adik beradik. Sebagai anak lelaki paling tua dalam keluarga, As'ad sangat dihormati oleh adik-beradiknya yang lain kerana kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu agama. Walaupun kebanyakan dari mereka semua tidak belajar di

pondok agama, tetapi pastinya didikan agama dari ayah mereka secara langsung memiliki disiplin yang sangat tinggi (Kuswoyo, 2014).

Ketika As'ad mencapai usia remaja terjadi satu ujian yang menimpa iaitu klasifikasi tulang belakang. Berdasarkan wawancara Nur Zazid Hisyam (2021) terhadap Dayyinah menyatakan penyakit yang dilalui oleh As'ad adalah akibat dari kemalangan ketika masih kecil. Beliau terjatuh semasa memanjat pokok sawa. Kesan hentakan tersebut tidak langsung dirasakan ketika itu bahkan berlalu dalam satu tempoh yang lama sehingga belia. Akhirnya kesan tersebut membawa kemudaratan yang lebih besar dimana As'ad mengalami kesukaran dalam aktiviti hariannya kerana setengah badan sebelah kanannya menjadi kaku (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Hasil perkahwinan As'ad dengan isteri pertama merangkap sepupunya dari Jember, mereka telah dikurniakan dua orang anak iaitu Afiati dan Etik. Namun jodoh mereka tidak bertahan lama. Setelah lama As'ad berstatus duda, pada tahun 1963 beliau telah bertemu pengganti isteri pertamanya bernama Iskillah. Iskillah merupakan adik dari salah seorang pekerja di syarikat barangan-barangan tiruan milik As'ad Humam di Pasar Beringharjo, Yogyakarta. Dari perkahwinan kedua ini beliau telah dikurniakan empat orang anak iaitu Erweesbe Maimanati, Ahmad Syahadatan, Ana Marhah dan Hanif (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Pendidikan awal As'ad Humam pastinya bermula dari rumah oleh ayahnya, Humam Siradj dengan mengajarkan agama sejak dari kecil. Kebiasaannya pembelajaran akan dijalankan pada waktu petang sekiranya ada masa terluang. Dan waktu yang sama diaplikasikan oleh As'ad Humam ketika mengajar mengaji anaknya sendiri (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Ketika telah sampai usia As'ad layak bersekolah, beliau telah dimasukkan ke SD Muhammadiyah Kleco dimana sekolah yang sama tempat ayahnya mengajar. Budiyanto (1995) merupakan salah satu individu yang rapat dengan As'ad Humam menyatakan tidak dipastikan tahun yang tepat As'ad Humam mendaftarkan diri sebagai pelajar di SD Muhammadiyah Kleco akan tetapi beliau lulus pembelajarannya di sekolah dasar pada tahun 1948. Setelah itu As'ad melanjutkan pelajarannya di Mu'allimin Muhammadiyah Yogyakarta. Namun ditakdirkan beliau mengakhiri tempoh persekolahan di situ hingga tahun kedua sahaja. Keputusan itu diambil kerana ingin mengikuti abang iparnya ke Ngawi dengan tujuan menuntut ilmu (Budiyanto, 1995).

As'ad Humam turut menimba ilmu agama dari Kiai Haji Munawwir di pondok Krapyak, Yogyakarta selama dua tahun. Pondok ini mengfokuskan kepada pendidikan ilmu al-Quran selain dari silibus penghafalannya. Namun demikian tidak dapat dipastikan secara tepat kitab yang digunakan semasa pengajian beliau berjalan di sana melainkan pastinya

berkisar dari pengajian agama secara tradisional dan kajian dari kitab-kitab kuning (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Ketika di Ngawi bersama abang iparnya, As'ad Humam tetap meneruskan pendidikan arus perdana iaitu SLTP; kini disebut SMP. Di waktu lain beliau akan membuat kelas mengaji anak-anak TK atau tadika. Setelah selesai pendidikan SLTP, As'ad Humam mengambil keputusan untuk pulang membawa cita-cita sebagai pendidik bangsa ke kampung halamannya di Yogyakarta. Menurut anak sulungnya dari isteri kedua, Erwis (2015) menyatakan As'ad Humam sememangnya mempunyai keinginan yang besar untuk menjadi pendidik. Oleh yang demikian beliau akhirnya mendaftarkan diri di Sekolah Guru Agama (SGA) Muhammadiyah. Oleh kerana sakit kalsifikasi tulang belakang, beliau terpaksa berhenti dari meneruskan pengajian tersebut padahal baru sahaja setahun jagung di sana. Penyakit tersebut sungguh memberikan tamparan yang hebat dalam hidupnya kerana perlu terbaring di RS Bethesda Yogyakarta selama satu setengah tahun. (Nur Zazid Hisyam, 2021).

3.2 *Perjalanan Dalam Dunia Pendidikan Al-Quran*

Apabila As'ad Humam pulang dari Ngawi sekitar tahun 1950-an, beliau meneruskan apa yang di cita-citakannya iaitu menjadi pendidik. Beliau memutuskan untuk membangunkan pengajian sendiri dan memberi nama 'AMIN' akronim dari Aku Mesti Iso Ngaji atau dalam Bahasa Melayu Aku Mesti Boleh Mengaji sekaligus menjadikan profesion awal Kiai Haji As'ad Humam dalam dunia pendidikan al-Quran (Rosita, 2002).

Pengajian tersebut dijalankan di Musolla Baiturrahman, Selokraman, Kotagede. Beliau memilih pengajian tersebut dijalankan pada waktu malam kerana pada waktu pagi hingga petang perlu bersekolah di Sekolah Guru Agama (SGA). Dalam pengajian AMIN, As'ad perlu mengerahkan segala idea agar anak-anak muridnya selesa dan senang dalam mengaji. Antara kaedah yang digunakan seperti menciptakan lagu kanak-kanak, menceritakan kisah-kisah nabi serta memberikan jajan dan gula-gula kepada mereka (Rosita, 2002).

Setelah beliau dibenarkan keluar dari RS Bathesda, As'ad terus mengaktifkan kembali persatuan tersebut. Kali ini beliau terus melebarkan sayap dengan menjalinkan kerjasama beberapa organisasi di bidang yang sama ke skala yang lebih besar. Salah satunya adalah Badan Koordinasi Pengajian Anak-Anak (BAKOPA) pada tahun 1963. Walaupun gerak kerja Persatuan Pengajian Anak-Anak Kotagede dan Sekitarnya (PPKS) dan BAKOPA adalah sama tetapi BAKOPA mempunyai skop organisasi yang lebih luas sehingga tersebar di beberapa kota besar Kepulauan Jawa. Salah satu pecahannya di bawah pengurusan As'ad Humam di Yogyakarta (Rosita, 2002).

Pengajian AMIN tidak kurang hebatnya apabila semakin ramai yang berminat mengikuti pengajian ini dari semasa ke semasa baik dari golongan tua mahupun muda. Hal yang sama berlaku seperti terhadap PPKS juga berlaku dalam AMIN apabila As'ad Humam

meningkatkan momentum tersebut dengan membentuk satu wadah pengajian khusus untuk anak-anak muda di Kotagede iaitu Angkatan Muda Masjid dan Musholla (AMM) pada tahun 1983. Ahli AMM atau Team Tadarus AMM pada awalnya dianggotai seramai 17 orang sehingga dikenali sebagai Team 17. Objektif gerakannya mengfokuskan kepada kebolehan membaca al-Quran bermula usia remaja hingga orang tua (Rosita, 2002).

Pada tahun 1973, As'ad Humam bersama puterinya, Erweesbe Maimanati; anak sulung dari perkahwinan ke dua, memberikan pengajian membaca dan menulis al-Quran buat anak-anak Selokraman, Kotagede di Musala Baiturrahman. Pengajian yang dijalankan beliau hanya sederhana sahaja kerana tidak memakai kaedah tertentu dalam pengajian AMIN. Oleh kerana itu dari tahun ke tahun perjalanan pengajian semakin sendu dan lesu sehingga berlaku kekurangan murid (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Dengan pendekatan menjalinkan kerjasama dengan Team Tadarus AMM; ketika itu pengajian dijalankan dari masjid ke masjid, akhirnya pada akhir tahun 1985 mereka merancang untuk mendirikan sebuah lembaga pendidikan yang mampu menampung idea-idea mengenai pendidikan al-Quran. Oleh yang demikian mereka telah mengatur beberapa pertemuan untuk membincangkan gagasan ini. Mereka juga melakukan beberapa tinjauan untuk melihat bentuk lembaga pendidikan al-Quran seperti di Pondok Pesantren Hidayatullah Surabaya dan Taman Kanak-Kanak (TK) Al-Quran Roudlotul Mujawwidin Semarang kelolaan Kiai Haji Dachlan Salim Zarkasyi (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Setelah melalui beberapa fasa perundingan dan perbincangan yang panjang, akhirnya satu kata putus telah ditetapkan dimana keputusan format lembaga pendidikan yang akan dilaksanakan adalah Taman Kanak-Kanak Al-Quran; mendidik anak-anak seawal 4-6 tahun, sepertimana yang diterapkan di TK Al-Quran Roudlotul Mujawwidin Semarang. Satu nama juga telah dipilih bagi lembaga tersebut iaitu Taman Kanak-Kanak (TK) Al-Quran Yogyakarta pada tahun 1986. Pada tahun yang sama juga namanya diubahsuai kepada Taman Kanak-Kanak (TK) Al-Quran AMM (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Untuk memastikan objektif penubuhan TK Al-Quran AMM tercapai, As'ad Humam telah menggagaskan tiga aspek pendidikan yang perlu dicapai iaitu; tercatat di dalam majalah Adzan edisi Februari 1991 (Nur Zazid Hisyam, 2021).

1. Aspek Pengetahuan. Para murid dirangsang untuk mengetahui lebih mendalam makna dan kandungan isi al-Quran melalui kisah-kisah yang terkandung di dalamnya mengikut kesesuaian corak pemikiran mereka.
2. Aspek Keterampilan. Para murid berketerampilan dalam membaca al-Quran dengan baik dan tepat.
3. Aspek Sikap. Para murid ditanamkan adab-adab serta minat terhadap al-Quran serta penghayatan dalam mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Oleh kerana semasa awal penubuhan TK AL-Quran AMM adalah sangat lembap dan kurang mendapat sambutan, As'ad Humam membuat keputusan untuk mengenakan sistem pembayaran kepada para murid. Selain itu waktu pengajian pada waktu pagi diubah ke sebelah

petang manakala para murid dikenakan pakaian seragam khas. Tidak terkecuali juga dengan pembaharuan sistem pengurusan yang lebih cekap dan sistematik. Bagi mengencarkan lagi promosi TK Al-Quran ini, As'ad Humam telah menjemput Drs. H. Junaidi bagi merasmikan TK Al-Quran AMM Yogyakarta tanggal 16 Mac 1988. Majlis perasmian tersebut telah menarik banyak pihak media sehingga berita ini tersebar secara meluas ke seluruh wilayah Yogyakarta dan kawasan sekitarnya (Nur Zazid Hisyam, 2021).

3.3 Kemunculan Kitab Iqra'

Membangunkan Aku Mesti Iso Ngaji (AMIN) sekitar tahun 1950-an merupakan titik awal Kiai Haji As'ad Humam terus berkreaitif dalam membangunkan satu kaedah mudah untuk membaca al-Quran apabila bermula dengan pengajaran dari kaedah Baghdadiyah. Kaedah Baghdadiyah merupakan kaedah pengajaran al-Quran yang telah lama digunapakai di Indonesia sehingga melekat dalam hati mereka namun sudut pandang As'ad Humam sedikit berbeza kerana beliau merasakan kaedah ini masih kurang efektif.

As'ad Humam juga telah menggunakan kaedah yang diterbitkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag RI) dengan cara menggunakan huruf latin untuk membaca huruf-huruf Arab. Kaedah ini pada dasarnya memberi kesan yang positif jika digunakan untuk membaca huruf Arab. Akan tetapi akan membawa masalah yang besar apabila membaca al-Quran. Hal ini kerana membaca al-Quran perlu mengikut hukum tajwid, kesesuaian *makhraj* huruf Hijaiyyah serta bacaan *mad* sedangkan huruf latin tidak mampu berbuat demikian (Budiyanto, 1955).

Sehingga pada akhir tahun 1950-an beliau telah menemukan kaedah baru yang dibuat oleh Mahmud Yunus menggunakan kaedah tangga nada. Dalam kaedah tersebut pelajar akan diajar membaca melalui nada yang berbunyi dengan bacaan al-Quran. Sebagai contoh kalimah "khota" (كُتِبَتْ) akan dibuat sebuah kota yang dibawahnya diitulis dalam tulisan Arab. As'ad merasakan kaedah ini merupakan langkah baru dalam pengajaran al-Quran lalu menerapkan dalam pengajiannya. Akan tetapi semakin lama terlihat kelemahan kaedah ini iaitu para murid terlihat lebih terarah untuk fokus kepada gambar berbanding tulisan Arab tersebut serta dialek bahasa setiap daerah di Indonesia yang mempengaruhi bacaan al-Quran (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Jazir menceritakan kepada Zazid Hisyam (2021) bahawa usaha beliau bagi mendapatkan kaedah pengajaran al-Quran yang terbaik tetap gigih dijalankan sehingga beliau dipertemukan dengan Kiai Haji Dachlan Salim Zarkasyi dari Semarang yang membawa kaedah Qiroati. Kali pertama pertemuan mereka adalah sebagai pesakit dan pengurut. Tubuh As'ad yang sakit telah mendapatkan rawatan sehingga mencari pengurut di luar Yogyakarta. Oleh kerana sering mendapatkan rawatan dari pakar pengurut dari Semarang ini, hubungan mereka menjadi semakin akrab sehingga perbualan mereka menyentuh hal yang dilakukan oleh Dachlan Salim dengan kaedah Qiroati di sana. Dari sanalah As'ad Humam mengambil peluang mendapatkan kitab Qiroati yang telah disusun menjadi 10 jilid pada ketika itu lalu mempelajarinya dan mengajarkannya di dalam kelas pengajiannya di Yogyakarta.

Bermula dari sekitar tahun 1970-an hingga 1988, As'ad Humam menggunakan kaedah Qiroati seiring membangunkan TKA Yogyakarta. Namun setelah satu tahun berdirinya TKA Yogyakarta, beliau mendapati kaedah Qiroaty masih terdapat compang-camping dari sudut sistem dan pengurusan pendidikan di situ. Lebih-lebih lagi hal ini turut dirasakan oleh para pengajar di TKA Yogyakarta sehingga mereka mengusulkan hal ini dalam mesyuarat mingguan yang diadakan di kediaman As'ad Humam. Setelah sekian lama berbincang dengan tenaga pengajar yang lain, As'ad Humam memutuskan untuk membuat satu surat buat Dachlan Salim, pengasas kaedah Qiroati berisikan 15 pandangan. Namun surat balas dari Dachlan Salim tidak kunjung tiba dalam tempoh yang sangat lama. Daripada menunggu hal yang tidak pasti, As'ad Humam telah mengambil inisiatif dari 15 pandangan tersebut untuk membentuk kaedah pengajaran al-Qurannya. As'ad Humam menghabiskan masa dengan menulis idea-idea barunya di atas lembaran-lembaran kertas. Kemudian setiap kali selesai sebuah pengajaran, beliau akan berdiskusi bersama rakan-rakan pengajar TKA lainnya dan hasil perbincangan akan diaplikasikan oleh anaknya Erweesbe Maimanati. Hal ini dilaksanakan secara konsisten sehingga tersusun sebuah kaedah pada tahun 1989 yang dikenali sehingga ke hari ini sebagai Iqra' (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Pada awal penamaan kaedah ini adalah 'Metode Belajar Membaca Al-Quran Sistematis'. Namun nama barunya muncul setelah Muhammad Jazir (2016) mencadangkan nama kitab ini sebagai 'Iqra'' cetusan inspirasi tajuk majalah Iqra' AMM Yogyakarta pada masa itu. Menurutnya lagi nama Iqra' mudah disebut dan diingat oleh anak-anak sehingga mereka berpandangan akan lebih mudah diterima oleh masyarakat secara meluas. As'ad Humam telah menyusun kitab Iqra' menjadi 6 jilid hasil penelitiannya serta pandangan tenaga pengajar TKA dan AMM (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Alasan kitab Iqra' dibahagikan kepada 6 jilid adalah kerana jika kitab seperti ini dikumpulkan dalam satu buku sahaja akan menjadikan ia tebal, maka menyebabkan murid-murid menjadi cepat bosan sehingga merasa tidak ada hujungnya. Selain itu mereka mengambil pengalaman dari kitab Qiroati yang mempunyai 10 jilid menyebabkan kebosanan dan pencapaian sasaran yang tidak memuaskan. Dalam erti kata yang lain, hal ini turut memberi kesan psikologi kepada para murid dalam menyelesaikan suatu kitab atau buku yang dipelajari khususnya dari aspek semangat dan kesungguhan dalam pengajaran (Nur Zazid Hisyam, 2021).

3.4 Sumbangan As'ad Humam Dalam Pendidikan Al-Quran

Terdapat beberapa sumbangan Kiai Haji As'ad Humam dalam pendidikan al-Quran sehingga dirasai umat hari ini. Antaranya ialah mendukung usaha Pembanteras Buta Huruf Al-Quran (PBHA), meluaskan kitab Iqra' ke peringkat nasional dan antarabangsa.

3.4.1 Mendukung Pembanteras Buta Huruf Al-Quran (PBHA)

Seiring dengan meningkatnya kemasyhuran TK Al-Quran dan Iqra' kerana terbukti mampu membantu para pelajar mampu membaca al-Quran dalam tempoh 6 bulan malah ada laporan menyatakan sebahagian murid-murid hanya memerlukan 2 bulan untuk membaca al-Quran,

maka As'ad Humam dan AMM Yogyakarta telah melaksanakan Forum Silaturahmi Pengasuh Pengajian Anak-Anak (FOSIPA) pada tahun 1988 dan diteruskan lagi di tahun berikutnya dengan tujuan memperkenalkan secara meluas serta memberikan penaiktarafan terhadap kaedah Iqra' dan sistem TK Al-Quran. Hal ini telah menimbulkan kekaguman orang ramai yang hadir kerana TK Al-Quran menampilkan murid-murid berusia 4-5 tahun yang mampu membaca al-Quran untuk membuat persembahan (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Bagi merencanakan lagi gerakan Pembanteras Buta Huruf Al-Quran (PBHA), As'ad Humam dan Team AMM Yogyakarta mengambil langkah drastik dengan mendaftarkan Iqra' ke Direktorat Jenderal Hak Cipta pada 25 Januari 1990. Kini dikenali sebagai Direktorat Jenderal Kekayaan Intelektual (DJKI). Akhirnya mereka berjaya memperoleh tandatangan dari Pengarah Hak Cipta, H. Supian Suradimadja pada 9 April 1990 (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Setelah mendapat hak cipta tersebut, pembangunan Taman Kanak-Kanak Al-Quran kian giat dijalankan sehingga As'ad Humam mengembangkan program pendidikan al-Quran sebagai mendukung gerakan PBHA antaranya ialah Diklat Ustadz atau Latihan Ustaz pada tahun 1989, Ta'limul Quran Lil Aulad (TQA) pada tahun 1990, Taman Kanak-Kanak Al-Quran Lanjutan (TKAL) dan Taman Pendidikan Al-Quran Lanjutan (TPAL) serta Kursus Tartil Al-Quran, ketiga-tiganya pada tahun 1991. Manakala pada tahun 1994 diwujudkan 3 program khas iaitu Keterpaduan Bina Keluarga Balita (BKB) TKA/TPA, Iqra' Klasikal di sekolah formal serta Kursus Seni Baca Al-Quran (Mangun Budiyanto, dkk, 2013).

Setiap program pendidikan al-Quran mempunyai objektif dan sasaran masing-masing. Untuk TKA/TPA, TKAL/TPAL dan TQA merupakan program pendidikan al-Quran berperingkat. Bagi TKA sasarannya adalah berusia 4-6 tahun yang menuntut mereka untuk menyelesaikan 6 jilid kitab Iqra' manakala TPA menyasarkan murid-murid berusia 7-12 tahun mampu untuk membaca dan menulis huruf-huruf Hijaiyyah. Apabila ke peringkat TKAL/TPAL para pelajar disasarkan mampu menghafal al-Quran sebanyak 15 juzuk, memahamai isi al-Quran, menguasai ilmu tajwid serta irama murotal dan menterjemah bacaan-bacaan di dalam solat (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Pada peringkat TQA pula para pelajar mampu memahami dan mengerti isi kandungan al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Untuk memantapkan pendidikan al-Quran di peringkat TQA, telah diadakan Bengkel Nasional Program Pasca TKA/TPA di Yogyakarta pada 28-30 Jun 1995. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh pengurus-pengurus TKA/TPA dan TQA di seluruh Indonesia. Hasil dari bengkel tersebut mereka telah bersepatan untuk menerapkan TQA di peringkat nasional dengan harapan dapat melahirkan generasi Qurani yang lebih baik. Diklat Ustadz atau Latihan Ustaz diwujudkan bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti para pelajar dan tenaga pengajar kelak. Manakala Kursus Seni Baca Al-Quran berusaha untuk mencetak qori dan qoriah yang berkualiti, mantap serta memiliki dasar-dasar ilmu seni baca al-Quran (A. Jauhar Fuad, 2015).

Kursus Tartil Al-Quran diadakan bagi mempersiapkan para ustaz ustazah, da'i, imam, khatib dan sebagainya yang dikelilingi oleh masyarakat untuk menjadi tempat rujukan

utama di lokaliti setempat. Para ibu yang mempunyai anak-anak di rumah tidak terkecuali dari program pendidikan al-Quran melalui Keterpaduan BKB TKA/TPA. Hal ini dalam usaha untuk menyediakan kemahiran buat para ibu untuk mendidik anak-anak mereka sendiri dalam membaca al-Quran bermula dari rumah (Mangun Budiyanto, dkk, 2013).

3.4.2 TK Al-Quran Dan Kitab Iqra' Ke Peringkat Nasional

Pertemuan As'ad Humam dengan Muhammad Jazir sedikit sebanyak telah memberi pengaruh terhadap pemikiran dan gerak kerja As'ad Humam. Di titik awal TKA, silibus dan bahan pengajaran masih di tahap sederhana sehinggalah pada 1989 atas persetujuan antara As'ad Humam dan Muhammad Jazir maka satu keputusan telah dibuat iaitu membuat silibus pengajaran khusus Taman Kanak-Kanak Al-Quran (TKA) Yogyakarta dan menerapkan kaedah Iqra' dalam pengajaran al-Quran tersebut. Hal ini kerana tujuan asal As'ad Humam untuk membuat gerakan dakwah al-Quran dengan lebih luas dan bersifat nasional (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Muhammad Jazir ketika itu merupakan salah satu ahli Dewan Pengurus Pusat (DPP) Badan Komunikasi Pemuda Masjid Indonesia (BKPMI) mula berkenalan dengan Kiai As'ad Humam pada tahun 1986 kerana sering kali dijemput ke TKA Yogyakarta untuk mengisi pengajian murid-murid di sana. Bermula dari memenuhi jemputan As'ad Humam sebagai pengisi pengajian akhirnya menjadi sahabat yang saling bertukar-tukar idea. Mereka berdua banyak berbincang mengenai hal gerakan dakwah al-Quran yang bergerak di Kotagede melalui Team AMM Kotagede. Hal ini kerana Muhammad Jazir merasakan gerakan tersebut sangat bagus jika dikembang dengan lebih luas lalu memperkenalkan As'ad Humam dengan beberapa pimpinan pusat BKPMI (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Oleh yang demikian, mereka telah menggerakkan Team AMM Kotagede untuk menjalankan bengkel secara sederhana bagi menyusun kurikulum TK Al-Quran pada tahun 1986 di Yogyakarta. Akhirnya pada tahun 1989, beliau telah mengundang seluruh pimpinan BKPMI di Indonesia dari 13 wilayah ke Kotagede bagi melihat sendiri gerakan yang dipimpin oleh As'ad Humam. Hasilnya gerakan tersebut telah mendapat sambutan dan sokongan sehingga tercetusnya gerakan nasional (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Setelah bahan pengajaran dan kurikulum TK Al-Quran dipersetujui sebulat suara pada tahun 1989, As'ad Humam mencadangkan untuk mengadakan Bengkel TK Al-Quran Nasional di Semarang. Hal ini dimana TK Al-Quran pertama yang bekerjasama dengan Musyawarah Nasional (Munas) Forum Silaturahmi Pengasuh Pengajian (FOSIPA) kali yang ke 3. Antara usul yang dibentangkan dalam bengkel tersebut adalah berkaitan hal seperti pembentukan TK Al-Quran di daerah masing-masing, sistem pendidikan, bahan-bahan pengajaran, waktu pembelajaran serta penentuan tempat TK Al-Quran. Di dalam bengkel tersebut, Muhammad Jazir turut membahas dari satu makalah yang ditulisnya iaitu menyentuh hal yang lebih mendalam tentang TKA di Yogyakarta (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Hal tersebut ditekankan oleh beliau kerana TKA Yogyakarta menerapkan sistem pendidikan berbentuk *child centered* yang bermaksud pendidikan yang menumpukan perhatian pada murid-murid. Kaedah *child centered* ini akan memberi peluang kepada setiap

murid-murid untuk berkembang secara maksima mengikut minat, bakat dan kemampuan masing-masing. Oleh hal yang demikian secara tidak langsung sistem kenaikan kelas automatik atau *automatic promotion* akan diaplikasikan bergantung kepada kemampuan murid dalam menguasai bahan pengajaran dan silibus pendidikan al-Quran yang telah disusun (FOSIPA, 1989).

Terdapat juga beberapa bahan pengajaran utama yang disampaikan antaranya ialah:

1. Membaca al-Quran.
2. Hukum tajwid.
3. Mengenal bacaan asing.
4. Menghafal surah-surah pendek.
5. Menghafal ayat-ayat pilihan.
6. Praktikal solat.
7. Doa harian.
8. Menulis ayat-ayat al-Quran.
9. Mendalami aqidah dan akhlak.

Waktu pengajaran dan pembelajaran bagi TK Al-Quran bermula pada jam 4.00 petang hingga 5.00 petang pada setiap hari melainkan hari Jumaat. Oleh yang demikian pada waktu pagi murid-murid akan mengikut kelas TK formal manakala pada waktu petang pula mereka akan menjalani kelas TK Al-Quran. Bagi kelas TK Al-Quran yang berjalan selama 60 minit, waktu pembelajaran akan dibahagi menjadi dua masa dimana masing-masing masa yang diperuntukkan adalah 30 minit. Satu masa pembelajaran untuk kelas secara individu manakala satu masa lagi untuk pembelajaran klasik mengikut kesesuaian dengan sistem *child centered* (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Pendekatan lain yang diambil oleh As'ad Humam setelah memperkenalkan kaedah Iqra' dan TKA kepada pihak media adalah membina hubungan antara BKPMI melalui Muhammad Jazir. Dengan bantuan Muhammad Jazir, pada tahun 1989 Muhammad Jazir telah mencadangkan dan menjemput para pengurus pusat dari BKPMI untuk melakukan latihan pelapis tenaga pengajar di pejabat AMM Yogyakarta. Oleh yang demikian di samping melatih pelapis baru, As'ad Humam juga dapat memperkenalkan TK Al-Quran Yogyakarta kepada mereka mengenai sistem pembelajaran, kaedah dan mempersembahkan hasil dari usaha TK Al-Quran kepada para peserta yang hadir (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Hasil usaha TK Al-Quran telah berjaya menarik perhatian BKPMI sehingga dibawa dalam perbincangan Musyawarah Nasional BKPMI ke 5 di Masjid Al-Falah Surabaya pada 27-30 Jun 1989. Dalam musyawarah nasional tersebut tidak hanya menyentuh soal program dalaman malah mereka membincangkan tentang program pendidikan TK Al-Quran sebagai gerakan nasional yang merangkumi program Gerakan Membaca, Menulis dan Memahami Al-Quran (GM3A) bagi merealisasikan Surat Keputusan Bersama Menteri Dalam Negeri Indonesia dan Menteri Agama Indonesia No. 128 dan No. 44A tahun 1982. Oleh itu BKPMI bertekad membangunkan TK Al-Quran diseluruh nusantara sebagai bentuk sokongan terhadap pembangunan yang giat dijalankan oleh pemerintah Indonesia dari sudut material mahupun spiritual (Muhammad Qodar, 1998).

Pengisytiharan gerakan TK Al-Quran nasional secara tidak langsung telah mempromosikan TK Al-Quran Yogyakarta secara besar-besaran. Hal ini kerana Musyawarah Nasional BKPMI kali ke 5 itu telah dirasmikan oleh Menteri Penerangan, H. Harmoko bagi mewakili Menteri Pemuda dan Olahraga (MENPORA), Akbar Tanjung. Oleh kerana itulah berpusu-pusu pihak media dari seluruh Indonesia datang. Bagi As'ad Humam pula ini adalah peluangnya untuk mempertonton hasil didikan TK Al-Quran Yogyakarta kepada masyarakat di seluruh Indonesia. Murid-murid yang berusia sekitar 5-6 tahun menunjukkan kemahirannya membaca al-Quran didepan peserta musyawarah nasional dan pihak media sehingga ramai yang mengenali TK Al-Quran yang dikembangkan oleh Kiai Haji As'ad Humam serta ingin mendaftarkan anak-anak mereka kesana (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Setelah berlangsungnya Musyawarah Nasional BKPMI di Surabaya, BKPMI telah memulakan langkah dengan membuka TK Al-Quran di peringkat wilayah pada awal Ogos 1990. Pergerakan BKPMI semakin pantas kerana telah mendapat banyak sokongan dari pelbagai pihak seperti Kementerian Agama Indonesia, Majelis Ulama Indonesia, tokoh-tokoh masyarakat dan juga sebahagian besar organisasi pemuda masjid di seluruh Indonesia (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Pendekatan strategi pengembangan TK Al-Quran nasional yang dijalankan oleh BKPMI sangat pintar. Di setiap wilayah, BKPMI menjalinkan kerjasama dengan organisasi masyarakat setempat atau perhimpunan remaja untuk menjayakan program pendidikan tersebut. Salah satu contoh kejayaan yang boleh diketengahkan seperti Wilayah Kalimantan Selatan. Kerjasama tersebut dilakukan antara BKPMI dengan Pemberdayaan dan Kesejahteraan Keluarga (PKK) Kalimantan Selatan pada tahun 1989 untuk membangunkan TK Al-Quran di setiap daerah Wilayah Kalimantan Selatan. Hasilnya pada 13-14 Ogos 1990 sekaligus ulang tahun pertama TK Al-Quran Banjarmasin, seramai 200 dari 3000 murid telah berjaya bergelar graduan yang tercatat dalam 60 unit TK Al-Quran di wilayah tersebut (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Hakikatnya graduan ini merupakan murid yang telah berjaya mencapai penanda aras tertinggi yang telah ditetapkan oleh pihak TK Al-Quran Banjarmasin. Pihak di sana meletakkan sukatan pelajaran di mana murid-murid berumur 5-10 tahun perlu habis membaca 10 juzuk al-Quran. Alasan utama yang menyebabkan mereka meletakkan penanda aras tertinggi adalah kesan positif dari TK Al-Quran serta kaedah Iqra' yang diterapkan. Kekreatifan anggota BKPMI Kalimantan Selatan semasa berlangsungnya hari graduasi tersebut perlu diberi pujian dalam menarik perhatian ibu bapa serta orang ramai yang hadir. Beberapa aktiviti dan pertandingan telah diadakan pada hari kejadian antaranya ialah mengadakan ujian secara terbuka bagi calon graduan yang cilik dan pertandingan membaca dan menulis al-Quran secara terbuka bagi semua murid. Apa yang menariknya adalah acara yang dipertandingkan boleh disaksikan oleh ibu bapa termasuk orang ramai yang berminat untuk menyaksikannya (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Kejayaan yang dicapai dalam TK Al-Quran Kalimantan Selatan adalah hasil usaha gigih anggota BKPMI di sana antaranya adalah Chairani Idris, Dr Hj Mustafa Ramli, Dr Hj Sofyan Tasyrifin Kurdi dan Dr Sudani Alfarisi yang timbul dari rasa kekhawatiran akan

keadaan masyarakat Islam. Menurut Dr Sofyan Tasyrifin Kurdi (1990), kehadiran TK Al-Quran BKPMI Kalimantan Selatan memang untuk menjawab kekhawatiran tentang kelesuan dan kekurangan minat generasi muda untuk mempelajari al-Quran. Kejayaan yang diperoleh oleh TK Al-Quran Kalimantan Selatan tetap berkesinambungan dari kaedah tambahan yang diaplikasikan oleh anggota BKPMI bagi mempromosikan TK Al-Quran di sana. Salah satunya adalah mengadakan lawatan sambil belajar oleh murid-murid TK Al-Quran ke daerah-daerah yang lain sepertimana yang dilakukan oleh 9 TK Al-Quran Banjarmasin ke Daerah Batola (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Program ini akan berlangsung sebulan sekali mengikut lokasi baru yang terpilih dengan tujuan membanteras masyarakat buta huruf al-Quran. Selain itu juga bertujuan untuk menyebarkan dakwah al-Quran ke kawasan luar bandar serta mengupayakan anak murid mereka menyebarkan motivasi terhadap masyarakat agar lebih giat mempelajari al-Quran. Di tempat asal contoh teladan TK Al-Quran yang lain iaitu TK Al-Quran Yogyakarta juga tidak ketinggalan dalam menyebarkan pendidikan al-Quran TK Al-Quran serta kaedah Iqra'nya. AMM Yogyakarta yang merupakan organisasi pertama dalam menggerakkan TK Al-Quran Yogyakarta akhirnya dijadikan satu gerakan baru oleh Kiai Haji As'ad Humam iaitu Badan Koordinasi TKA-TPA (BADKO TKA-TPA) Yogyakarta pada 28 Oktober 2990. Tugas BADKO TKA-TPA Yogyakarta adalah sebagai sebuah lembaga yang mengelola, membina dan mengembangkan gerakan TKA-TPA dan Madrasah Diniyah Al-Quran (MDA) di Daerah Istimewa Yogyakarta (DIY). Walaupun tujuan asal penubuhan BADKO sebagai pelapis kepada anggota AMM, akan tetapi pengurusan BADKO dan AMM adalah berbeza dari sudut pengorganisasian (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Sungguhpun begitu, BADKO dan BKPMI merupakan dua organisasi berbeza tetapi kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu menjayakan gerakan TK Al-Quran. Atas gagasan ini maka As'ad Humam menulis surat buat Sekretariat Umum BKPMI, Abdurrahman Tardjo pada tanggal 6 Disember 1991. Isi surat tersebut adalah mengajak BKPMI untuk duduk bersama membincangkan tentang program yang akan dilakukan oleh TKA/TPA menggunakan kaedah Iqra' (Nur Zazid Hisyam, 2021). Salah satu bentuk kerjasama tersebut di samping menyemarakkan gerakan TK Al-Quran nasional, mereka bersepatat mengadakan satu majlis yang besar dari kerjasama antara BKPMI, BADKO dan Lembaga Pengembangan Tilawah Al-Quran (LPTQ) iaitu Musabaqah Tilawatil Quran (MTQ) Nasional XVI pada bulan Februari 1991 di Yogyakarta. Salah satu persembahan yang menarik adalah diadakan demonstrasi bacaan al-Quran secara besar-besaran oleh 1000 murid TK Al-Quran. Acara yang dihadiri dari ratusan media di seluruh Indonesia telah mengangkat nama TK Al-Quran yang diasas oleh As'ad Humam ke mata masyarakat Indonesia (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Usaha untuk menyemarakkan lagi TK Al-Quran di peringkat nasional terus dilaksanakan oleh As'ad Humam, Muhammad Jazir dan teman seperjuangan mereka bahkan masih diteruskan hingga ke hari ini. Hal tersebut adalah Festival Anak Soleh yang digagaskan oleh As'ad Humam dan Muhammad Jazir diadakan buat pertama kali pada bulan April 1992 di Jakarta yang dirasmikan oleh isteri Presiden Indonesia Ke-2, Siti Hartinah atau dikenali sebagai Ibu Tien Soeharto. Acara tersebut akan dijalankan tiga tahun sekali dengan tujuan

mengundang murid-murid TK Al-Quran dari pelbagai daerah agar dapat mengikuti beberapa jenis pertandingan yang dipertandingkan (Nur Zazid Hisyam, 2021).

3.4.3 Kitab Iqra' Tersebar Ke Negara Asing

Penyebaran kitab Iqra' pada awalnya dikawal oleh TK Al-Quran. Namun perkembangannya begitu meluas sehingga dikenali ramai sebagai kaedah Iqra' yang sangat komprehensif dan efektif walaupun di luar lembaga TK Al-Quran. Penyebaran awal kitab Iqra' di luar TK Al-Quran bermula dari guru-guru dan para peserta yang menyertai bengkel latihan yang dianjurkan oleh AMM.

Semasa percetakan awal kitab Iqra, mesin fotostat yang digunakan hanya mampu mencetak 12 rim kertas pada setiap hari. Oleh yang demikian cetakannya perlu mengambil masa yang lama sebelum diterbitkan dan dijual. Sewaktu tahun 1995 jumlah cetakan meningkat menjadi dua kali ganda kerana terdapat dua mesin fotostat sehingga mampu memenuhi pesanan pasaran. Bagi jumlah pendedaran kitab Iqra' tidak dipastikan jumlahnya kerana tidak ada catatan yang menerangkan hal tersebut. Sungguhpun begitu dari banyaknya bengkel latihan guru TKA/TPA yang dilakukan dapat memastikan jumlah peserta yang hadir akan meningkat setiap tahun. Khususnya semasa TK Al-Quran Yogyakarta diperkenalkan di Semarang dan Surabaya. Akhirnya kitab Iqra' menjadi perhatian di beberapa negara jiran. Terdapat dua negara yang menjadi pasaran terbesar kitab Iqra' iaitu Malaysia dan Brunei Darussalam. Suasana yang paling menarik perhatian pembeli dari dua negara besar ini adalah kerana lembaga pendidikan selalu menampilkan hasil didikan TK Al-Quran dengan kaedah Iqra' sama ada melalui media radio, televisyen mahupun surat khabar (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Kesannya terdapat beberapa negara ingin menerapkan hal yang sama dalam sistem pendidikan mereka. Sebagai contoh pada bulan Oktober 1991, Penolong Pegawai Dakwah Bahagian Pendidikan Malaysia telah menghantar 17 orang wakil berkunjung ke Yogyakarta dengan tujuan utama untuk berkenalan dengan kaedah Iqra'. Hasil dari kunjungan tersebut pemerintah Malaysia telah memohon secara langsung untuk mendapatkan latihan kaedah pengajaran dan pembelajaran Iqra' kepada Kiai Haji As'ad Humam dan Team Tadarus AMM Yogyakarta (Nur Zazid Hisyam, 2021).

Manakala di Brunei Darussalam, pengenalan kaedah dan kitab Iqra' dilakukan pada acara Seminar Membaca Al-Quran Yang Mudah bagi negara-negara anggota MABIMS iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura di Bandar Seri Begawan bertarih Julai 1993. Pembentangan tersebut dibahaskan oleh oleh Team Tadarus AMM yang telah menjadi Badan Penelitian Dan Pengembangan LPTQ Nasional bersama Muhammad Jazir sebagai Pengarah TK Al-Quran Nasional (Nur Zazid Hisyam, 2021).

4.0 Kesimpulan

Daripada perbincangan bab ini, dapat disimpulkan bahawa Kiai Haji As'ad Humam merupakan seorang tokoh yang cekal dan tabah. Walaupun beliau mempunyai kekurangan dari sudut fizikal, hal ini tidak langsung mematahkan semangat dalam mengajar dan mendidik

anak bangsanya. Selain itu, kesungguhan beliau dalam menggagaskan kaedah terbaik bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pengajian al-Quran patut dijadikan teladan dan diambil iktibar oleh setiap tenaga pengajar di pelbagai institusi pengajian. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran juga dipengaruhi dengan peredaran zaman. Pendekatan setiap zaman perlu diperhalusi agar setiap generasi memperoleh nilai adab dan ilmu dalam setiap bidang yang diceburi.

RUJUKAN

- A. Jauhar Fuad. (2015). *Metode Pembelajaran Membaca Al-Quran*. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/fuadjauhar/54f71281a33311ad0c8b48b1/metode-pembelajaran-membaca-al-quran> 25 Januari 2023.
- Abdul Halim El-Muhammadiyah. (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah Disiplin dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam.
- Abdussabur Syahin. (2008). *Sejarah al-Quran*. Mesir: Nahdah, PT Rhal Publika.
- Arsip Forum Silaturrahim Pengasuh Pengajian Anak-Anak (FOSIPA) Nasional Ke-3, Lokakarya TKA. (1989). *Panduan Mendirikan TK Al-Quran*. Semarang. 2-3 Februari.
- Kuswoyo. (2014). Metode Iqra' As'ad Humam Perspektif Behavioristik. *Jurnal Studi Agama*. 122-141.
- Mohd Aderi bin Che Noh. (2008). *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Quran Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Mangun Budiyanoto. (1995). *Prinsip-Prinsip Buku Iqro: Cara Cepat Belajar Al-Quran*. Yogyakarta: Team Tadarus AMM.
- Mangun Budiyanoto, dkk. (2013). *Ringkasan Pengelolaan, Pembinaan Dan Pengembangan Gerakan Membaca, Menulis, Memahami, Mengamalkan Dan Memasyarakatkan Al-Quran (Gerakan M5A)*. Yogyakarta: Balai Litbang LPTQ Nasional Team Tadarus AMM.
- Muhammad Qodar. (1998). *Sejarah Perkembangan Badan Komunikasi Pemuda Remaja Masjid Indonesia (BKPRMI) Jawa Timur (1979-1996)*. Skripsi S-1. Surabaya: Fakultas Adab, IAIN Sunan Ampel.
- Nur Zazid Hisyam. (2021). *Kyai As'ad Humam Dibalik Pencetus Buku Iqro'*. Surabaya: Pustaka Indis.
- Rosita Siyamtiningsih. (2002). *Sejarah Team Tadarus AMM (Angkatan Muda Masjid dan Musholla) Kotagede*. Skripsi S-1 (Sarjana Muda). Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada.